

KENYATAAN TAWARAN

1. Tawaran adalah dipelawa kepada firma akaun yang beralamat di **Negeri Pahang (keutamaan kepada Firma Bumiputera yang membayar Zakat dengan Pusat Kutipan Zakat Pahang)** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Malaysian Institute of Accountants (MIA) untuk menyediakan perkhidmatan berikut:

PERIHAL	KOD BIDANG	TAKLIMAT	TARIKH TUTUP
PERKHIDMATAN PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN KONSOLIDASI MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG BAGI TAHUN KEWANGAN 2024 MUIP/SH/2025/030	MIA Dan 221803/ 340401/ 340402	TARIKH : 26 NOVEMBER 2025 MASA : 10.00 PAGI	TARIKH: 11 DISEMBER 2025 MASA: 12.00 TENGAHARI <u>Dokumen sebut harga yang diterima selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup sebut harga tidak akan dipertimbangkan.</u>

2. Sesi Taklimat Sebut Harga adalah **DIWAJIBKAN** kepada firma yang ingin menyertai Sebut Harga ini. Wakil firma hendaklah penama di dalam Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan atau orang yang diberi kuasa (Surat Penurunan Kuasa perlu disertakan). Firma boleh membuat permohonan melalui e-mel kepada norainierahman@muip.gov.my **selewat-lewatnya pada 25 November 2025 (Selasa) (jam 12.00 Tengahari)** dengan menyertakan bersama:
 - i. Satu (1) salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia
 - ii. Satu (1) salinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan
 - iii. Satu (1) salinan Sijil Pendaftaran Malaysian Institute of Accountants (MIA).
3. Dokumen Sebut Harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, ditulis dengan tajuk serta nombor sebut harga di atas sebelah kiri sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA** di alamat seperti berikut :

MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG,
KOMPLEKS ISLAM SULTAN HAJI AHMAD SHAH,
JALAN ISTANA PERMAI,
26600 PEKAN,
PAHANG DARUL MAKMUR
U/P : UNIT ASET,STOR & PEROLEHAN

4. Tawaran hendaklah sah sehingga **sembilan puluh (90) hari** dari tarikh tutup sebut harga.
5. Permohonan dianggap tidak berjaya sekiranya tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh iklan ditutup.
6. Sebarang pertanyaan berkaitan sebut harga ini boleh berhubung dengan **Unit Aset, Stor dan Perolehan, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2025